

# BISNES METRO

## Bursa Malaysia

Indeks Komposit	924.67	+2.64
Indeks Emas	211.91	+0.32
Papan Kedua	89.19	-0.13
Mesdaq	98.51	+0.51

## Kaunter Ur

YLI	23.7
Genting	23.7
KSeng	3.0
Litrak	3.0
EngTex	1.0

## UBAH SUAI KILANG KETIGA DI PELABUHAN KLANG

# DR GROUP LABUR RM7.5J

Oleh Hayati Ibrahim  
ya\_1@hmetro.com.my

DR Group Holdings Sdn Bhd (Dr Group), pengeluar, pengeksport dan peruncit coklat akan melabur kira-kira RM7.5 juta untuk mengubah suai dan membeli peralatan bagi kilang pembuatan ketiganya di Pelabuhan Klang, Selangor.

Kerja pengubahsuaian kilang di kawasan seluas 0.8 hektar dijangka dimulakan September ini.

Operasi kilang itu akan bertumpu kepada pengeluaran untuk pasaran eksport berikutan pembabitan kumpulan berkenaan dalam pembuatan secara komponen peralatan tulen (OEM) untuk jenama coklat antarabangsa.

Pengarah Urusan Dr Group, Datuk Dahlan Mohd Rashid, berkata syarikat akan menumpukan perhatian kepada operasi kilang ketiga tahun ini supaya dapat menambah pengeluaran berikutan jualan yang semakin meningkat di pasaran tempatan atau luar negara.

"Bagi pasaran tempatan, kami mempunyai 22 cawangan runcit di lapangan terbang di seluruh negara seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Langkawi, Sarawak, Kota Kinabalu dan Labuan.

"Kami turut mengeksport produk ke Thailand, Singapura, Asia Barat dan Jepun, malah dalam peringkat ak-



**DAHLAN...pilih lokasi tempuan pelancong**

hir perbincangan dengan sebuah syarikat dari Australia untuk mengeluarkan produk mereka yang akan dipasarkan ke negara Asean," katanya ketika ditemui di ibu pejabat Dr Group di Bandar Sunway, baru-baru ini.

Syarikat juga mempunyai dua lagi kilang lain di Taman Perindustrian Batu Tiga, Shah Alam dan Kota Damansara, Petaling Jaya.

Menurutnya, kilang di Kota Damansara dan Pelabuhan Klang menggunakan teknologi mesin dari Eropah manakala kilang di



**TELITI...Dahlan (dua dari kiri meneliti pekerjaanya membungkus coklat Fidani.**

Batu Tiga pula, mengeluarkan coklat buatan tangan hasil sokongan 45 pekerja.

Dr Group juga mengeluarkan tiga jenama coklat sendiri iaitu Danson untuk pasaran biasa, Farell's (pasaran pertengahan) dan Fidani untuk golongan atasan yang dikeluarkan anak syarikatnya Quantum Supplies (M) Sdn Bhd (QS).

"Fidani adalah coklat buatan tangan yang diperbuat daripada bahan diimport dari Belgium dan ia mula berada di pasaran sejak 2002.

"Ia produk eksklusif syarikat kami yang disasarkan untuk pasaran premium, se-

suai dijadikan hadiah korporat untuk golongan atasan.

"Jenama Fidani mempunyai 60 jenis pilihan yang lazat iaitu 'macadamia praline, peppermint passion, almond attraction, ory hazelmond, mass macadamia, the trios dan hazel haven' termasuk coklat tanpa gula," katanya.

Sementara itu, Eksekutif Pemasarannya, Amy Wong berkata, syarikat kini dalam peringkat penjenamaan semula dan memperbaiki cara pembungkusan bagi menampakkkan eksklusif produk itu.

"Wajah baru jenama Fidani akan dilancarkan April ini di Lapangan Terbang Anta-

rabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Kami juga menyediakan kedai eksklusif khas untuk jenama Fidani di Genting Highlands yang akan dilancarkan 4 Mei depan dengan pelanggan boleh memilih jenis coklat yang diinginkan dan harganya ditentukan mengikut jumlah berat diambil," katanya.

Mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai Fidani boleh menghubungi talian 03-55138823 atau faks ke 03-55138823 atau ke No 41 & 43, Jalan Pengeluaran, Seksyen U1/78, Taman Perindustrian Batu Tiga, Shah Alam, Selangor.